

Headline	MENUJU WARISAN DUNIA		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	17	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	664 cm <sup>2</sup>
Journalist	LAUPAJUNUS	AdValue	RM 13,244
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,732





KEADAAN hutan FRIM pada 1929.

Oleh LAUPA JUNUS  
laupajunus@hotmail.com

**K**EDUDUKANNYA sebagai hutan tropika buatan manusia yang masih terpelihara di sekitar Lembah Klang bukan sahaja menjadikan kampus Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) atau Tapak Warisan FRIM sangat bernilai dari segi bekalan oksigen, tetapi amat penting dari segi kesimbangan alam sekitar serta perlindungan kepada flora dan fauna.

Justeru, ada sebab mengapa hutan tropika buatan manusia terbesar dan tertua di dunia yang terletak berhampiran bandar raya Kuala Lumpur ini perlu terus dipelihara dan dipulihara agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

Pelbagai anugerah diterima oleh FRIM, antaranya Tapak Warisan pada 2009 dan Warisan Kebangsaan pada 2012 membuktikan ia menjadi khazanah yang penting pada masa akan datang.

Pelbagai pengiktirafan diterima oleh FRIM, antaranya Tapak Warisan pada 2009 dan Warisan Kebangsaan pada 2012 membuktikan ia menjadi khazanah yang penting pada masa akan datang.

Menyedari akan kepentingan itulah, maka kerajaan menerusi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar khususnya FRIM serta Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan kini dalam proses mengangkat martabat hutan buatan manusia ini sebagai satu daripada Tapak Warisan Dunia (WHS) di bawah kategori kebudayaan.

Untuk tujuan tersebut, FRIM bekerja sama dengan jabatan Warisan Negara (JWN) bagi proses pencalonan sebagai WHS Pertumbuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa Bangsa Bersatu (UNESCO).

Selaras dengan itu, sebuah jawatankuasa penyelaras dibentuk dengan dianggotai

# MENUJU WARISAN DUNIA



**FRIM**  
Tapak Warisan  
Semula Jadi Negara

**FRIM** merupakan institut penyelidikan dan perhutanan yang bertujuan untuk mempromosikan dan memelihara sumber-sumber alam semulajadi di Malaysia. FRIM juga berusaha untuk memberi sumbangan kepada pembangunan negara melalui penyelesaian masalah teknikal dan sains yang berkaitan dengan perhutanan dan pengurusan sumber-sumber alam.

**NOORSIHA AYOP** adalah Ketua Pengaruhnya Datuk Dr. Abdul Latif Mohamad, manakala sekretariat bagi menggerakkan wawasan WHS ini dipertanggungjawabkan di bawah Program Pengurusan Tapak Warisan FRIM (FRIM-WHS), Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar agensi berkenaan.

Usaha ke arah mendapati pengiktirafan WHS itu telah bermula sejak 2012 lagi selepas kampus tersebut dipilih sebagai Warisan Kebangsaan dengan empat langkah strategik iaitu mewujudkan rangkaian hubungan kerjasama, proses dokumentasi dan pencalonan serta misi penilaian dan pengiktirafan.

Inisiatif bermula dengan penubuhan sekretariat khas di bawah FRIM, membangunkan

rangkaian hubungan dan mewujudkan kerjasama dengan pelbagai rakan strategik dan pemegang taruh (stakeholders) termasuk Kerajaan Negeri Selangor, memandangkan FRIM terletak dalam negeri berkenaan. Wawasan ini telah mendapat sokongan daripada bawah Rancangan Malaysia ke-11.

Ketua sekretariatnya, **Noorsisha Ayop** berkata, pada 2015 hingga kini lalu proses dokumentasi dimulakan dengan membentuk Pelan Rangka Kerja usaha pencalonan Kampus FRIM sebagai WHS-Unesco menerusi faktor nilai keungulan sejagat atau outstanding universal value (OUV) dan penetapan zon teras dan zon penampang tapak.

Hasil daripada ketiga-tiga tindakan tersebut, dokumen pencalonan dikenali sebagai dossier dan pelan pengurusan tapak iaitu conservation management plan (CMP) diluluskan setelah usaha publisiti dan hebahan atau promosi tapak turut dilakukan.

Bermula tahun ini pula sebahagian tahun depan, proses penyediaan dokumen tentative list, dokumen pencalonan dan CMP dimulakan menerusi penubuhan jawatankuasa khas yang dianggotai bersama oleh JWN dan FRIM sebelum misi penilaian oleh Majlis Antarabangsa Bagi Tapak dan Monumen (ICOMOS) dijalankan.

Misi ke arah menjadikan Tapak Warisan FRIM atau FRIM Selangor Forest Park sebagai tapak warisan dunia turut dibantu oleh tiga feto pakar yang dilantik iaitu bekas Ketua Pengaruh JWN, Prof. Emeritus Datuk Paduka Dr. Zuraina Majid; pakar botani UKM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdul Latiff Mohamad dan bekas Timbalan Ketua Pengaruh FRIM, Dr. Francis Ng.